

29 MAY 2003

Alliot-Mahathir (Bergambar)/I

PERANCIS KONGSI PANDANGAN DENGAN MALAYSIA MENGENAI PERANAN PBB

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perancis berkongsi pandangan dengan Malaysia dalam bidang hubungan antarabangsa dan kesahan bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mempunyai peranan yang besar untuk dimainkan, kata Meneteri Pertahanan Perancis Michele Alliot-Marie hari ini.

"Kami percaya ini adalah satu syarat yang wajib bagi kestabilan dan keamanan dunia," beliau memberitahu sidang media di sebuah hotel di sini.

Alliot-Marie, yang tiba di sini pagi ini untuk lawatan dua hari, sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad mengenai hubungan dua hala dan isu-isu antarabangsa.

Beliau berkata identiti sesebuah negara perlu dihormati dan diberi peluang untuk didengar.

"Kita mahu hubungan antarabangsa seimbang dan setiap kumpulan mendapat peluang bukan sahaja untuk menyuarakan pendapat mereka tetapi juga didengar.

"Dengan perkataan lain, kita mahu hubungan antarabangsa berdasarkan kepada keseimbangan dan dialog," kata beliau.

Sebenarnya, kata beliau, pandangan yang sama yang beliau dan Dr Mahathir kongsi, sama dengan pandangan kebanyakan negara di dunia.

"Saya berpeluang melawat dalam masa beberapa minggu ini bertemu ramai orang termasuk di London, Rusia, India dan beberapa negara di Afrika. Saya boleh katakan bahawa mereka semua berharap demikian," kata beliau.

Ditanya sama ada mereka juga bercakap mengenai keadaan di Iraq, Alliot-Marie berkata: "Ya kami bercakap mengenainya. Kami percaya bahawa perang adalah satu cara yang silap.

"Satu lagi pandangan ialah kami berkongsi pendapat bahawa rakyat Iraq sepatutnya diberi pilihan memilih pemimpin mereka," kata beliau.

Ditanya sama ada masih ada ruang untuk banyak lagi kontrak ketenteraan untuk Malaysia, beliau menyifatkan kerjasama tentera antara kedua-dua negara masih lagi pada tahap yang tinggi.

"Apabila anda telah mengenali satu sama lain dan berkongsi pandangan yang sama, ada boleh bercakap dan bertindak dengan penuh kepercayaan," kata beliau.

Mengenai kerjasama dengan Malaysia dalam memerangi keganasan, Alliot-Marie berkata rangkaian penganas kini sudah bertambah luas di seluruh dunia dan perlu ada pertukaran dalam bidang perisikan.

-- BERNAMA

MAS RAM ZB